

03 SEP 2003

IMF-SUARA/I

MALAYSIA, PASARAN BARU MUNCUL DISARAN BERSUARA LANTANG DALAM IMF

Oleh: Muin Abdul Majid

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mahu Malaysia dan lain-lain pasaran baru muncul yang lebih maju memainkan peranan penting dalam organisasi itu ke arah mendapatkan penyelesaian secara kolektif kepada masalah ekonomi dan kewangan.

Sambil menegaskan IMF yang berpangkalan di Washington itu merupakan badan pelbagai hala, pengarah urusan IMF, Dr Horst Kohler hari ini berkata jawapan kepada banyak masalah di dalam dunia ini bergantung kepada "lebih banyak kerjasama pelbagai hala dan bukan sebaliknya".

"Saya berharap Malaysia sebagai anggota IMF, akan berbincang dengan kami apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjadikan sistem kewangan antarabangsa lebih stabil dan memberikan negara-negara pasaran baru muncul peluang yang lebih baik untuk menyertai dalam proses global dengan krisis yang sedikit dan kestabilan yang lebih," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Dr Kohler, yang mengambilalih teraju IMF pada 1 Mei, 2000 daripada Michel Camdessus, berkata dengan cara ini, IMF boleh memperolehi lebih banyak input bagaimana ia perlu menyesuaikan nasihat polisinya menurut keadaan atau situasi negara-negara khusus.

Sambil menyedari yang beliau mempunyai obligasi untuk prihatin kepada kestabilan sistem kewangan antarabangsa, beliau berkata bukanlah menjadi mandat beliau untuk "bekerja menentang negara atau idea negara yang mereka rasakan berada di dalam kepentingan hak mereka untuk memajukannya."

Dr Kohler berada di sini atas jemputan Dr Mahathir yang bertemu beliau pada Sidang Kemuncak G8 di Evian, Perancis Jun lepas.

Ditanya mengenai persepsi yang mengatakan IMF selalu patuh kepada Amerika Syarikat, beliau berkata beliau tidak boleh menafikan kenyataan yang AS merupakan pemegang saham utama dalam IMF.

"Saya perlu mengambil kira perkara ini, kalau tidak saya akan menjadi pengarah urusan yang betul-betul tidak realistik," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata ini tidak akan menghalang IMF daripada mencuba bersungguh-sungguh menjadikan globalisasi ini berjaya, sekali gus memberi manfaat kepada semua.

"Ini bermakna saya akan memberikan perhatian yang lebih kepada negara-negara pasaran baru muncul dan miskin, kepentingan mereka, seperti mana saya berikan kepada negara-negara maju," kata beliau.

Terdahulu, dalam perbincangannya dengan editor perniagaan Malaysia di Kementerian Kewangan di sini, Dr Kohler berkata IMF perlu lebih fokus kepada aspek saling bergantungan ekonomi-ekonomi itu.

"Dan ini bermakna tidak perlu lagi kita "berkhutbah" kepada ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul ini apa yang perlu mereka lakukan dari segi pembaharuan struktural," kata beliau.

Pada persidangan media itu juga, beliau berkata ekonomi Malaysia telah berjaya pulih selepas berhadapan dengan kegawatan kewangan Asia 1997 dengan mencatatkan prestasi ekonomi yang kukuh.

"Saya terpegun dengan apa yang saya lihat dari segi infrastruktur, mengenai momentum ekonomi dan kedayatahan ekonomi," kata Dr Kohler yang pertama kali melawat negara ini.

"Malaysia telah banyak menempa kejayaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan sayalah orang pertama melahirkan rasa hormat dan kagum atas pencapaian

ini," tambah beliau.

Dr Kohler berkata beliau banyak belajar melalui pertemuannya dengan perdana menteri yang beliau sifatkan sebagai "seorang yang tahu hala tuju rakyatnya." -- BERNAMA

MAM SD AA